

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU  
(SARIKEI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.11.2016**

**Y.B. TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa harga minyak dalam negara tidak mengikut harga minyak antarabangsa. Contohnya apabila harga minyak antarabangsa naik pada bulan Jun 2016, maka harga minyak negara turut akan naik pada Julai 2016. Bagaimanapun, harga minyak antarabangsa turun pada Julai 2016, sebenarnya harga minyak dalam negara kita mesti turun mengikut harga minyak antarabangsa, tetapi sebaliknya harga diesel negara kita telah dinaikkan 10 sen/liter pada Ogos 2016.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak Kerajaan telah memutuskan harga runcit RON95 dan diesel ditetapkan melalui kaedah pengapungan terkawal berdasarkan *Automatic Pricing Mechanism* (APM) mulai 1 Disember 2014 dengan mengambil kira perubahan harga minyak mentah di pasaran dunia. Perubahan harga runcit RON95 dan diesel dibuat pada 1 haribulan bagi setiap bulan berdasarkan perubahan purata kos produk yang telah diproses bagi bulan sebelumnya. Penetapan harga runcit petrol dan diesel juga perlu mengambil kira perubahan kadar tukaran mata wang Ringgit Malaysia berbanding US Dolar. Di samping itu, komponen kos utama yang selainnya adalah margin keuntungan dan kos operasi syarikat minyak serta komisen kepada pengusaha stesen minyak.

Dalam hal ini, harga runcit petrol dan diesel sebenarnya tidak berkait rapat dengan harga minyak mentah semata-mata. Ini kerana ia perlu mengambil kira keseluruhan kos harga minyak yang telah diproses yang mana berbeza mengikut produk berdasarkan pasaran semasa. Contohnya, purata penurunan kos produk yang siap diproses bagi bulan Julai berbanding bulan Jun 2016 bagi diesel adalah lebih rendah iaitu di sekitar USD3.80 per barel berbanding produk RON95 iaitu di sekitar USD7.22 per barel. Keadaan ini menyebabkan produk diesel masih berada dalam mode subsidi dalam bulan Julai 2016 dan harganya perlu dinaikan selaras dengan dasar apungan terkawal.